

# Kemas kini MacOS

**C**ARA kemas kini perisian dan sistem pengoperasian MacOS keluaran Apple.

Pengemaskinian perisian dan sistem pengoperasian MacOS merupakan satu langkah awal dan sangat penting untuk melindungi keselamatan sistem komputer Apple daripada apa sahaja kelemahan keselamatan yang timbul.

Kebanyakan pengguna mudah untuk mengemas kini perisian dan sistem pengoperasian MacOS menerusi *App Store*. Namun begitu, jangan terlalu mengharap kepada sistem kemas kini automatik semata-mata sahaja. Sila semak kemas secara kerap dan pasang program kemas kini dengan versi terkini bagi *MacOS Update* dan perisian yang lain.

Seterusnya dibincangkan cara untuk mengemaskini sistem pengoperasian MacOS.

**1** Buka aplikasi *App Store* pada komputer atau peralata Mac. Boleh buka daripada *Dock* atau tekan butang *Command* bersama butang *Space* atau taip sahaja *App Store* dan tekan butang *Return*.

**2** Setelah tettingkap *App Store* dibuka, klik ikon *Update* di bahagian atasnya. Di sini, dapat dilihat senarai kemas kini yang ada dan kemas kini yang telah dipasangkan pada 30 hari sebelumnya.

## Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**

[irkhan.uthm@yahoo.com](mailto:irkhan.uthm@yahoo.com)



**3** Pada senarai kemas kini yang ada, klik pada butang *Update* yang terdapat padanya bagi kemas kini yang hendak dipasang atau klik sahaja pada butang *Update All*.

Aplikasi *App Store* hanya akan menunjukkan senarai kemas kini bagi perisian yang dimuat turun daripada *App Store* sahaja. Bagi perisian yang dimuat turun daripada tempat lain, perlu semak kemas kini daripada laman web pengeluar perisian tersebut.

Terdapat juga kemas kini yang didatangkan bersama dengan kemas kini sistem pengoperasian. Jadi, kemas kini ini tidak akan kelihatan dalam senarai kemas kini tersebut secara berasingan.

Kadang kala versi kemas kini terkini tidak tersenarai dalam senarai kemas kini. Jadi, pasang program kemas kini, tutup dan buka semula tab *App Store Update*.

Sila semak juga keserasian versi sistem pengoperasian MacOS yang digunakan dengan program kemas kini terkini yang ada dalam senarai kemas kini.